



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI**

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 15.04.2024  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 29.04.2024  
BILANGAN IKLAN: 2024/APR/01/KPDK**

**PERATURAN 7(a) - GAJI HARI**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



## IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH. PEGAWAI PELAJARAN (PERINGKAT MENENGAH / RENDAH)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.13 (BAHAGIAN II)  
KEKOSONGAN = TIGA PULUH (30)**

### PERINGKAT MENENGAH

- BAHASA MELAYU - 02 KEKOSONGAN
- BAHASA INGGERIS - 02 KEKOSONGAN
- PENDIDIKAN JASMANI - 02 KEKOSONGAN
- *CHEMISTRY* - 01 KEKOSONGAN

### PERINGKAT RENDAH

- PENDIDIKAN RENDAH - 12 KEKOSONGAN
- PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK - 11 KEKOSONGAN

### KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding sekurang-kurangnya Kepujian Kelas Kedua.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai salah satu kelulusan Bahasa Inggeris seperti berikut:

<b>Kelulusan Bahasa Inggeris</b>	<b>Gred Minima</b>
Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa <i>GCE 'O' Level</i>	<i>Credit</i>
<i>International English Language Testing System (IELTS)</i>	6.0
Kelulusan <i>TOEFL</i>	Score 550
<i>UBD English Proficiency Test (UBD - EPT)</i>	B2
<i>UBD Bridging English Course (UBD-BEC)</i>	Pass
<i>IGCSE English Language (as a First Language) - London / Edexcel / Cambridge</i>	C
<i>IGCSE English Language (as a Second Language) - London / Edexcel / Cambridge</i>	B
<i>GCE A Level English Language - London / Edexcel / Cambridge</i>	C
<i>GCE A Level General Studies / General paper - London / Edexcel / Cambridge</i>	C



3. Bagi kekosongan di Peringkat Rendah, mempunyai Kepujian / Kredit dalam matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan *Science* dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa *GCE 'O' Level* atau sebanding dengannya.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa antarabangsa lain dengan baik.
5. **PERINGKAT PEMILIHAN DAN PENILAIAN SARINGAN**

**BAGI YANG MEMPUNYAI KELULUSAN IJAZAH SARJANA *MASTER OF TEACHING***

- 5.1) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki untuk mengikuti peringkat pemilihan pertama dan kedua yang telah ditetapkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dari semasa ke semasa.
- 5.2) Peringkat Pemilihan dan Penilaian Saringan adalah seperti berikut:
  - a) **Peringkat Pemilihan Pertama\*:**
    - i. Penilaian Psikometrik;
    - ii. Penilaian Demonstrasi Pengajaran;
    - iii. Penilaian Kepimpinan dan Kerja Berpasukan;
    - iv. Penilaian Temuduga.

\*Pemohon hanya akan disokong ke peringkat penilaian seterusnya jika mencapai markah yang telah ditetapkan bagi setiap penilaian.

b) **Peringkat Pemilihan Kedua:**

- i. Penempatan di sekolah mengikut tempoh masa yang akan ditetapkan;
- ii. Hendaklah mencapai sekurang-kurangnya tahap tiga (3) dalam Penilaian Prestasi Guru / *Teacher Performance Appraisal (TPA)* \*\*; dan
- iii. Semasa penempatan di sekolah, calon guru akan menerima elaun sebanyak BND\$800.00 sebulan.

\*\*Pemohon hanya akan disokong ke peringkat **temuduga** bagi jawatan Pegawai Pelajaran bergaji hari jika mencapai para b.ii.



### **BAGI YANG BELUM MEMPUNYAI KELULUSAN IJAZAH SARJANA *MASTER OF TEACHING***

5.3) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki untuk mengikuti peringkat pemilihan pertama, kedua dan ketiga yang telah ditetapkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dari semasa ke semasa.

5.4) Peringkat Pemilihan dan Penilaian Saringan adalah seperti berikut:

a) **Peringkat Pemilihan Pertama\*:**

- i. Penilaian Psikometrik;
- ii. Penilaian Demonstrasi Pengajaran;
- iii. Penilaian Kepimpinan dan Kerja Berpasukan;
- iv. Penilaian Temuduga.

\*Pemohon hanya akan disokong ke peringkat penilaian seterusnya jika mencapai markah yang telah ditetapkan bagi setiap penilaian.

b) **Peringkat Pemilihan Kedua:**

- i. Penempatan di sekolah mengikut tempoh masa yang akan ditetapkan;
- ii. Hendaklah mencapai sekurang-kurangnya tahap tiga (3) dalam Penilaian Prestasi Guru / *Teacher Performance Appraisal (TPA)* \*\*;
- iii. Semasa penempatan di sekolah, calon guru akan menerima elaun sebanyak BND\$800.00 sebulan.

\*\*Pemohon hanya akan disokong ke peringkat penilaian seterusnya jika mencapai markah yang telah ditetapkan bagi setiap penilaian.

c) **Peringkat Pemilihan Ketiga\*\*\*:**

- i. Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana *Master Of Teaching* selama lapan belas (18) bulan;
- ii. Hendaklah lulus dan tamat pengajian dengan mencapai keputusan keseluruhan Gred Nilai Kumulatif atau *Cumulative Grade Point Average (cGPA)* sekurang-kurangnya 3.0;
- iii. Semasa mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana *Master of Teaching*, calon guru akan menerima elaun sebanyak BND\$800.00 sebulan.

\*\*Pemohon hanya akan disokong ke peringkat **pengambilan** bagi jawatan Pegawai Pelajaran bergaji hari jika mencapai para c.ii.



## 6. PERINGKAT PENGAMBILAN

- 6.1) Pemohon-pemohon yang berjaya menamatkan dan lulus di peringkat pemilihan dan penilaian saringan di para 5, calon-calon adalah layak ke peringkat pengambilan iaitu temuduga bagi jawatan Pegawai Pelajaran Bergaji Hari dalam tangga gaji G.13.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**


#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI GURU PERANTIS:**

1. Hendaklah mengajar satu (1) atau dua (2) kelas sahaja bagi subjek yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian dengan jumlah waktu mengajar minima lapan (8) hingga dua belas (12) waktu dalam masa seminggu mengikut jadual waktu yang ditetapkan oleh pihak Sekolah;
2. Diberikan tugas hal ehwal kokurikulum dan tidak diberikan tugas hal ehwal pentadbiran;
3. Hendaklah mematuhi Buku Panduan untuk Standard Guru Brunei Penilaian Prestasi Guru 2.0;
4. Hendaklah mengamalkan dan meningkatkan amalan profesional seperti mengikuti dan menjalankan Program Pembangunan Profesional yang dianjurkan diperingkat sekolah, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam, Kluster atau Kementerian Pendidikan;
5. Hendaklah menunjukkan tatalaku peribadi dan profesional yang tinggi dan setara dengan standard yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggali 83) dan mematuhi peraturan-peraturan, surat-surat keliling, syarat-syarat dan arahan pihak atasan yang berkenaan dengan perkhidmatan awam atau tenaga pengajar dari semasa ke semasa; dan
6. Hendaklah sentiasa bersedia bertugas atau ditukarkan di mana-mana saja yang akan ditempatkan sebagaimana dikehendaki oleh pihak Kementerian dan berkhidmat dengan taat dan setia kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEGAWAI PELAJARAN BERGAJI HARI:**

1. Menjadi tenaga pengajar mata pelajaran yang dikhususkan;
2. Mencapai piawaian prestasi pengajaran sebagai salah satu pendekatan bagi peningkatan kerjaya dan perkembangan profesional dan memberi impak kepada pencapaian pelajar ditahap cemerlang;
3. Mengurus pengajaran dan pembelajaran berasaskan kandungan pengajaran dan kaedah yang dirancang dan diteliti bersesuaian mengikut keperluan individu pelajar;
4. Memastikan mencapai piawaian profesional dalam Standard Guru Brunei (*Brunei Teacher Standard*) yang boleh membimbing *professional learning practice and engagement* dalam mencapai tahap seorang guru yang berkualiti;
5. Mengurus dan menjaga hal ehwal pelajar;
6. Mengurus dan mentadbir bilik darjah;
7. Bersedia untuk memberikan bengkel / seminar (jika diperlukan) berdasarkan kepakaran, kemahiran dan minat masing-masing;
8. Bersedia untuk dilantik bagi memimpin atau mentadbir atau mengurus Jabatan atau Bahagian sekolah;
9. Bersedia untuk dilantik bagi mengurus kegiatan-kegiatan kokurikulum;
10. Tenaga Pengajar adalah dikehendaki mengikuti:
  - i. Program Induksi Guru;
  - ii. Program Pengayaan dan Kecekapan; dan
  - iii. Kursus / latihan tambahan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
11. Menjadi tenaga pengajar sepenuh masa dan bersedia bertugas di sekolah-sekolah rendah atau menengah di mana-mana yang ditempatkan seperti Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong atau Daerah Temburong; dan
12. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pemimpin sekolah atau pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.



**NOTA:**

**TATACARA PERMOHONAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI PELAJARAN G.13  
(GAJI HARI)**

Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan secara online melalui laman sesawang:

**[bit.ly/iTeach2024](https://bit.ly/iTeach2024)**

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan seperti berikut:**

**Bahagian** : Sub Unit Pemilihan dan Pengambilan Tenaga Pengajar,  
Unit Tenaga Pengajar.

**Alamat** : Kaunter 5, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok C,  
Bangunan Kementerian Pendidikan.

**Emel** : [jpp.recruitment@moe.gov.bn](mailto:jpp.recruitment@moe.gov.bn)

**No. Tel** : 2381133 ext 1300